

Samsung catat untung sukuan tertinggi

Telefon pintar Galaxy, peranti tablet lonjak perolehan syarikat teknologi Korea



SAMSUNG Electronic Co, syarikat teknologi paling utama di dunia dari segi pendapatan, mengumumkan keuntungan suku tertinggi dalam sejarahnya didorong penjualan telefon pintar Galaxy, model telefon mudah alih lain serta peranti tablet, Note.

Penjualan peranti berkenaan juga membantu syarikat itu menguasai pasaran mudah alih, sekali gus mengatasi Nokia serta pesaingnya dalam segmen TV dan memori cip di Jepun.

Samsung menamatkan penguasaan selama 14 tahun Nokia dalam pasaran telefon bimbit global, justeru menyaksikan syarikat teknologi Finland itu bergelut buat kali pertama untuk mencatat pendapatan kukuh.

Menurut penganalisis, Nokia menjual 83 juta telefon bimbit pada Januari hingga Mac, termasuk 12 juta telefon pintar. Samsung menganggarkan ia menjual 90 juta telefon bimbit, termasuk 44 juta telefon pintar.

Samsung melaporkan keuntungan operasi pada Januari hingga Mac berjumlah 5.85 trilion won (RM15.7 bilion), sejajar dengan sasaran awal iaitu 5.8 trilion won (RM15.59 bilion).

Keuntungan sukuan itu meningkat hampir dua kali ganda daripada 2.95 trilion won (RM7.93 bilion) yang dicatatkan tahun lalu.

Pada suku keempat tahun lalu, syarikat itu merekodkan keuntungan operasi sebanyak 5.3 trilion won (RM14.25 bilion).¹

Keuntungan bahagian telefon bimbit meningkat hampir tiga kali ganda kepada 4.27 trilion won (RM11.48 bilion), merangkumi 73 peratus daripada keseluruhan keuntungan.

Margin keuntungan operasi bahagian itu juga meningkat kepada 18.4 peratus daripada 11 peratus tahun lalu dan 12 peratus dari suku sebelumnya sekali gus membantu mengukuhkan jualan gajet terancangnya, Galaxy S dan Note.

Samsung dan Apple semakin hampir untuk menjadi syarikat monopoli bersama dalam pasaran telefon pintar canggih dengan syarikat lain bergelut untuk memperkenalkan model baru yang boleh bersaing dalam segmen itu.

Menurut penganalisis Bernstein, kedua-dua syarikat menguasai 90 peratus daripada pasaran telefon pintar canggih tahun lalu dan gabungan saham kedua-duanya akan kekal berubah sedikit kepada 88 peratus menjelang 2013.

Samsung yang menandatangani perjanjian dengan semua tiga operator telekomunikasi terbesar China mengatasi Nokia sebagai peneraju vendor dalam telefon pintar suku keempat dengan menguasai kira-kira 25 peratus pasaran dan penganalisis menjangkakan jumlah itu akan meningkat bekoran kejatuhan Nokia pada masa akan datang.

"Telefon pintar Samsung berjaya



SEORANG pengguna mencuba telefon pintar Galaxy yang menyumbang kepada pengukuhan jualan Samsung.

pada suku pertama dan menjadi kekecewaan kepada Nokia," kata Matt Evans, penganalisis CLSA dalam laporan terkini di Seoul.

Pertumbuhan telefon pintar China mencabar kebanyakan jangkaan dan pembuat cip telefon pintar Korea Selatan, SK hynix menjangkakan jualan telefon pintar di China kepada 20 hingga 30 peratus lebih tinggi berbanding sasaran sebelumnya, berdasarkan tahap tempahan.

"Secara keseluruhan, permintaan di China lebih kukuh pada suku pertama dan ia akan memacu penghantaran telefon pintar global kepada lebih 700 juta tahun ini," kata Kim Ji-bum, ketua pemasaran dan jualan global SK hynix kepada penganalisis.

Samsung yang menjual satu dari setiap lima telefon pintar seluruh dunia tahun lalu, perlu mengukuhkan kedudukan sebagai peneraju pasaran dengan pelancaran model generasi ketiga model utamanya, Galaxy S, minggu depan di London disokong pemasaran yang hebat menjelang sukan Olimpik.

Galaxy terbaru akan menggunakan prosesor mikro quad-core yang menjadi harapan telefon bimbit yang dijual oleh Nokia, HTC, Motorola dan juga Apple sebagai pelanggan terbesarnya.

Saham Samsung, pembuat TV utama dunia meningkat 27 peratus setakat ini dan mencapai rekod tertinggi 1.351 juta won (RM3.63 juta) awal bulan. Manakala indeks saham KOSPI meningkat kira-kira lapan peratus tahun ini. - Reuters